



**PERUTUSAN  
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.10/2023  
PADA 30 OKTOBER 2023 (ISNIN) JAM 9.30 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT...

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
  - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
  - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
  - III. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng;
  - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
  - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
  - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
  - VII. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
  - VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.
4. Terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua Jabatan, Ketua Unit, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban yang sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi kepada Majlis dalam memastikan segala perancangan dapat direalisasikan dengan semangat kerja berpasukan.

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Isu yang berlaku ke atas negara **Palestin** sekarang sememangnya mendapat perhatian dunia. Oleh itu, pelbagai bentuk solidariti dan usaha juga telah dilakukan daripada pelbagai pihak atas kesedaran akan nilai manusiawi yang turut merangkumi hak asasi manusia dan sifat ihsan.
6. Majlis Bandaraya Seremban turut mengambil inisiatif dengan menyediakan tabung bantuan bagi membantu rakyat Palestin. Bantuan ini juga merupakan satu solidariti keprihatinan warga bandar raya Seremban terhadap ujian yang dialami oleh rakyat Palestin.

7. Sehubungan dengan itu, tabung tersebut akan ditempatkan di **kaunter khidmat pelanggan di lobi Wisma MBS** bagi memudahkan warga kerja MBS dan pengunjung yang hadir untuk memberi sumbangan kepada mangsa. In shaa allah, sedikit usaha dan sumbangan walaupun kecil daripada kita dapat membantu meringankan dugaan yang menimpa rakyat di negara Palestin.

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Pada 17 Oktober yang lalu, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah menyempurnakan **Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia (SHKPS) Tahun 2023** di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)
9. Penganjuran SHKPS 2023 bertujuan untuk meraikan kepentingan kesihatan persekitaran dalam pencegahan dan kawalan faktor-faktor biologi, kimia dan fizikal yang mengancam kesihatan serta kesejahteraan manusia sejagat. Justeru itu, KPKT telah menjadikan Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia sebagai agenda tahunan Kementerian.
10. Tema SHKPS 2023 ialah “**Persekitaran Lestari, Negara MADANI**” lanya menekankan kepentingan asas peranan PBT yang amat penting dalam mewujudkan persekitaran yang bersih, sihat dan sejahtera agar dapat menyumbang kepada pembangunan Negara Malaysia Madani.

Tema ini juga amat bertepatan dengan situasi semasa negara yang memerlukan kita semua meletakkan keutamaan kepada persekitaran yang bersih dan sihat di semua peringkat pembangunan.

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. SHKPS 2023 juga memperlihatkan peranan penting KPKT dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam Kebersihan dan Kesihatan Persekitaran. KPKT telah menggariskan 15 garis panduan Kesihatan Persekitaran semenjak 2012 sebagai panduan kepada PBT dalam menangani isu-isu Kesihatan Persekitaran dan pengurusan program serta aktiviti-aktiviti Kesihatan Persekitaran yang dijalankan di kawasan PBT.
12. Oleh itu, sebagai organisasi yang berteraskan perkhidmatan perbandaran yang turut menjadi peneraju terhadap inisiatif-inisiatif kesihatan persekitaran di Seremban, masih banyak usaha yang perlu ditingkatkan untuk memelihara kebersihan persekitaran dalam kawasan Majlis Bandaraya Seremban, seperti di premis-premis makanan, tandas-tandas awam dan taman-taman awam.
13. Saya mohon agar Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekitaran membantu mempromosikan kepada semua warga bandar raya Seremban melalui media sosial MBS untuk sama-sama kita mengamalkan kebersihan persekitaran di mana-mana jua kita berada. Marilah kita semua membudayakan persekitaran yang sihat dan bersih demi kesejahteraan kita bersama.

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN KEWANGAN**

14. Sehingga 29 Oktober 2023, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut :-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2023 (RM122.15 Juta)

Prestasi = **RM117.20 Juta (81.56%)**

(b) Sasaran 30% Kutipan Tunggakan (RM25.12 Juta)

Prestasi = **RM16.41 Juta (19.50%)**

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM142.10 Juta)

Prestasi = **RM128.44 Juta (90.38%)**

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM205.50 Juta)

Prestasi = **RM192.24 Juta (93.55%)**

(e) Belanja Mengurus (RM213.24 Juta)

Prestasi = **RM166.07 Juta (76.15%)**

(f) Belanja Pembangunan (RM15.74 Juta)

Prestasi = **RM5.01 Juta (31.79%)**

*SUMBER : JABATAN KEWANGAN*

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

15. Sehingga 21 September 2023, MBS telah menjalankan aktiviti ;
- Kawalan *fogging* di **64,819** buah premis
  - *ULV* di **70,739** buah premis
  - *Larvaciding* di **78** lokaliti
  - *Source reduction* di **83** lokaliti
  - Gotong royong di **96** buah taman
  - **257** aktiviti sanitasi & disinfeksi
16. Selain itu, laporan bagi tanah perkuburan di bawah seliaan MBS sehingga 21 September 2023 mencatatkan;
- a. Tanah Perkuburan Kristian Sendayan**  
24 kematian Covid-19 dan 218 kematian biasa,
- b. Tanah Perkuburan Islam Ainsdale**  
544 kematian covid-19 dan 403 kematian biasa,
- c. Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2**  
811 kematian biasa,
- d. Tanah Perkuburan Islam Nilai** yang dibuka pada 15 April 2022, sehingga kini masih tiada jenazah yang dikebumikan di tanah perkuburan ini sehingga 21 September 2023.

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

17. Pada 21 hingga 23 September 2023 telah diadakan operasi penguatkuasaan pasar di Pasar Sementara Ampangan, Pasar Rasah Jaya, Pasar Seremban Jaya dan Pasar Besar Seremban oleh Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekitaran (JPKP) dan Jabatan Undang-undang & Penguatkuasaan (JUUP). Tujuan operasi ini diadakan adalah untuk memastikan peniaga mematuhi syarat-syarat sewaan dan lesen perniagaan Majlis Bandaraya Seremban serta mematuhi arahan larangan penggunaan beg plastik, polistirena dan penyedut minuman jenis plastik.

18. Laporan hasil operasi yang dijalankan adalah seperti berikut;

Bil	Lokasi	Bil. Notis Kesalahan/ Halangan Awam	Bil. Kompaun
1	Pasar Sementara Ampangan	27	-
2	Pasar Rasah Jaya	12	3
3	Pasar Seremban Jaya	7	1
4	Pasar Besar Seremban	83	6
<b>Jumlah</b>		<b>119</b>	<b>10</b>

*SUMBER : JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN*

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

19. Pada 18 September 2023 dan 3 Oktober 2023 yang lalu telah diadakan **Majlis Penyerahan Surat & Bacaan Ikrar (Aku Janji) Bagi Pegawai Lantikan Tetap dan Lantikan Baru**. Majlis ini diadakan bagi memberikan pendedahan kepada pegawai dan kakitangan yang baharu tentang tanggungjawab terhadap Majlis Bandaraya Seremban bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat dilaksanakan kepada komuniti dan berpegang kepada Ikrar Aku Janji Perkhidmatan Awam.
20. MBS juga telah mengadakan **Lawatan Penanda Aras Pengurusan Rekod Kerajaan Konvensional (DDMS) 2.0 Ke Majlis Daerah Pendang** pada 1 Oktober 2023 bagi berkongsi maklumat mengenai pengetahuan dan pemahaman tentang klasifikasi fail dan langkah-langkah menyediakan klasifikasi fail yang betul berdasarkan Panduan Pembangunan Klasifikasi Fail Pejabat Awam.
21. Selain itu, pada 2 – 4 Oktober 2023, telah diadakan **Kursus Kebakaran Bersama Ahli Pasukan Tindakan Kecemasan (Emergency Response Team, ERT)** di MBS Cawangan Nilai. Kursus ini memberikan pendedahan umum berkenaan situasi kebakaran sebenar serta memastikan ERT MBS berpengetahuan & berpengalaman dalam menghadapi kecemasan.

SUMBER : JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT & PELANCONGAN**

22. Pada 21 September 2023, telah diadakan **Majlis Bacaan Yaasin di Masjid Nurul Iman Kampung Gebok, Mantin**. Ini merupakan kesinambungan program Majlis Bacaan Yaasin sempena ulang tahun ke-3 Majlis Bandaraya Seremban yang telah dilaksanakan pada sebelum ini, bagi mengimarahkan masjid-masjid di Seremban dan dapat bertemu dengan warga kariah bagi membincangkan berkenaan perkara atau isu yang berlaku di sekitar kawasan kariah.
23. Selain itu, pada 25 & 26 September telah diadakan **Kursus Asas Pengurusan Bencana** Majlis Bandaraya Seremban bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan. Seremai 52 peserta dari Majlis Pengurusan Komuniti Kampung dan pasukan *taskforce* bencana Majlis daripada pelbagai jabatan.
24. Program ini juga dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan bencana berkenaan teori sains kebakaran, asas pengurusan bencana dan teknik-teknik penyelamatan awal, asas keselamatan semasa tragedi tanah runtuh/bangunan runtuh kesedaran dan keselamatan di air, tatacara pengendalian kebakaran dan teknik asas menyelamatkan.

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

25. Seperti yang sedia maklum, MBS melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan telah mengadakan **Seremban Folk Fest 2023** pada 23 hingga 24 September 2023. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kesemua peserta dan urusetia daripada pelbagai Jabatan, Agensi, Persatuan yang bertungkus lumus menjayakan **Seremban Folk Fest 2023**. Program yang penuh dengan pengisian-pengisian menarik ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung-pengunjung yang hadir dari dalam dan luar Seremban.
  
26. Selain itu, pada 15 Oktober 2023 yang lalu telah diadakan Program **Zumba Stick** bersempena Hari Sukan Negara 2023. Program ini turut mendapat kerjasama daripada PUSPANITA Negeri Sembilan. Seramai 250 orang peserta telah hadir dan memeriahkan Program **Zumba Stick** di Pentas Taman Budaya, Seremban.

SUMBER : JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT & PELANCONGAN

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN**

### **INTERNATIONAL GREENTECH AND ECO PRODUCTS EXHIBITION AND CONFERENCE MALAYSIA 2023 (IGEM 2023)**

27. Pada 4 Oktober – 6 Oktober 2023, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) melalui Jabatan Perancangan Pembangunan telah menyertai ***International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia 2023*** (IGEM 2023) di Kuala Lumpur *Convention Centre* (KLCC) dengan kerjasama strategik oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan (UPEN). Kerjasama strategik ini melibatkan agensi **UPEN, MBS, Invest NS** dan **NS Corporation** bagi mewakili Pavilion Kerajaan Negeri Sembilan. Kerjasama ini juga telah melibatkan **Cement Industries of Malaysia (CIMA)**
28. Konvensyen IGEM 2023 ini telah dirasmikan oleh **YAB Dato Sri Fadillah Yusof, Timbalan Perdana Menteri II**. Turut bersama hadir pada sesi perasmian dan lawatan ke booth Negeri Sembilan *Pavilion* adalah **YB Tuan Veerapan A/L Superamaniam** merangkap **Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Perubahan Iklim, Sumber Manusia, Koperasi & Kepenggunaan**.
29. Pelbagai pameran dan informasi yang diketengahkan dibawah booth Kerajaan Negeri Sembilan antaranya MBS mengadakan satu sesi *pocket talk* yang disampaikan oleh **TPr. Mohd Daud bin Ahmad, Timbalan Pengarah Perancangan Pembangunan** berkenaan

inisiatif Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon Seremban 2027. Pavilion Negeri Sembilan turut memenangi IGEM 2023 *Best Booth Award - 2nd Runner Up* bagi kategori *Best Interactive Booth* manakala CIMA pula memenangi *Best Informative Booth*.

SUMBER : JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### **PELAPORAN JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA**

30. Pada masa ini Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBS sedang melaksanakan kerja-kerja nilai cukai taksiran untuk dikuatkuasakan pada 1 Januari 2024. Pihak jabatan bertanggung jawab mengeluarkan Notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilai kepada pemilik harta yang terlibat dengan perubahan cukai taksiran. Notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilai adalah notis pemakluman kepada pemilik harta dalam kawasan Majlis tentang harta yang dicukai, amaun cukai taksiran, peratusan kadar taksiran dan tarikh cukai taksiran dikuatkuasakan.
31. Pada masa ini, jabatan dalam persediaan untuk mencetak notis fasa ke-2. Notis fasa pertama telah dicetak dan dihantar kepada pemilik mulai 1 September 2023 melibatkan 9,613 akaun cukai taksiran. Fasa ke- 2 ini pula melibatkan 10,306 akaun harta cukai taksiran.
32. Notis bagi fasa ke-2 ini akan dicetak 24 Oktober 2023 yang akan datang. Ia melibatkan harta-harta yang telah dikeluarkan CCC, nilai

tanah kosong, tukar syarat harta, pecah sempadan, penyantuman lot dan lain-lain yang melibatkan berlakunya perubahan nilai pada sesuatu harta atau wujudnya harta-harta baru.

33. Kepada pemilik harta yang terlibat diberikan masa 30 hari dari tarikh notis tersebut untuk mengemukakan bantahan/rayuan kepada pihak Majlis. Semua bantahan akan didengari dalam Mesyuarat Lembaga Bantahan/Rayuan Cukai Taksiran yang dijadualkan pada 12 Disember 2023. Semua pemilik harta yang membuat bantahan/rayuan akan diberikan surat maklumbalas keputusan mesyuarat 2 minggu selepas mesyuarat diadakan.

## **PELAPORAN JABATAN TAMAN & LANDSKAP**

### **PERTANDINGAN KOMUNITI INDAH 2023**

34. Untuk makluman semua, MBS melalui Jabatan Taman & Landskap telah mengadakan Pertandingan Komuniti Indah 2023. Pertandingan ini telah dibuka kepada persatuan-persatuan penduduk / KRT di dalam kawasan pentadbiran MBS. Sebanyak 12 penyertaan daripada persatuan-persatuan penduduk / KRT telah menyertai pertandingan ini.
35. Tahniah diucapkan kepada **Taman Casurina Fasa 2 & Fasa 3** yang telah dinobatkan sebagai JOHAN Pertandingan Komuniti Indah 2023. **Pristine @ Enstek** di tempat kedua & **Rimbun Harapan** di tempat ketiga.

36. Selain itu, sewaktu berlangsungnya Seremban *Folkfest* 2023 telah diadakan Pameran & Pertandingan Arca Taman. Sebanyak 10 penyertaan telah diterima untuk kategori terbuka dipertandingkan. Tahniah diucapkan kepada Kumpulan **Yadhrīb** yang dinobatkan sebagai juara. Manakala **Jabatan Pertanian Negeri Sembilan** di tempat kedua dan **Kolej Profesional MARA Beranang** di tempat ketiga.

*SUMBER : JABATAN TAMAN & LANDSKAP*

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### **PELAPORAN UNIT INTEGRITI**

37. Saya juga ingin mengingatkan kepada semua pegawai/kakitangan Majlis bertanggungjawab untuk mengisytiharkan harta mereka kepada Pentadbiran Majlis. Antara perisytiharan harta perlu dibuat adalah;
- I. Waktu lantikan pertama;
  - II. Apabila memperoleh harta baharu;
  - III. Setelah membuat pelupusan;
  - IV. Apabila dikehendaki oleh Pentadbiran Majlis; dan
  - V. Setiap lima (5) tahun sekali.
38. Hal ini, sebagai peringatan, jika kegagalan seorang pegawai/kakitangan Majlis melaksanakan perisytiharan harta boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Bagi Pegawai-Pegawai Dan Kakitangan Majlis Perbandaran Seremban (Kelakuan Dan Tatatertib) 1998

*SUMBER : UNIT INTEGRITI*

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### **PELAPORAN UNIT AUDIT DALAM**

39. Unit Audit Dalam komited untuk menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan Piawaian Antarabangsa ISSAI yang diterima umum dan memberi penilaian serta laporan yang bebas, objektif, jelas dan adil dengan cara melaksanakan pengauditan kewangan dan pengurusan untuk semua jabatan bagi memastikan kawalan dalaman aktiviti yang dijalankan oleh setiap jabatan adalah selaras dengan peraturan-peraturan yang sedia ada.
  
40. Unit Audit Dalam juga merupakan kawalan pengurusan yang memberikan perkhidmatan sokongan seperti rundingan untuk menambah nilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus melalui pelaporan dan syor-syor yang bertujuan untuk membaiki dan meningkatkan keberkesanan kawalan dalaman, pengurusan risiko dan hal-hal berkaitan amalan tadbir urus melalui aktiviti audit yang dijalankan.

*SUMBER : UNIT AUDIT DALAM*

## PENUTUP

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

41. Dikesempatan ini, saya ingin memaklumkan bahawa buat pertama kalinya MBS akan mengadakan **Hari Bertemu Pelanggan** pada tarikh **1 November 2023**, mulai jam **8.30pagi hingga 1.00petang** bertempat di **Dewan MBS (Cawangan Nilai)**
42. Ini merupakan satu inisiatif yang perlu dilaksanakan bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk mengemukakan sebarang cadangan, aduan atau pertanyaan mengenai perkhidmatan secara terus kepada pihak MBS, Jabatan & Agensi yang terlibat pada program ini.
43. Antara Jabatan-Jabatan Kerajaan, Agensi-Agensi Swasta & Persatuan (NGO) yang terlibat dan membuka *Booth* Pameran adalah;
  - I. Pejabat Daerah & Tanah Seremban
  - II. Jabatan Kerja Raya
  - III. Tenaga Nasional Berhad
  - IV. Jabatan Pengairan & Saliran
  - V. Pejabat Kesihatan Daerah Seremban
  - VI. SW Corp
  - VII. Oval Success
  - VIII. Suasa Efektif (M) Sdn Bhd



44. Oleh itu, saya menjemput kepada semua ahli-ahli mesyuarat dan warga bandar raya Seremban untuk hadir bagi sama-sama menjayakan **Hari Bertemu Pelanggan MBS 2023**.
  
45. Akhir kata, semoga segala perancangan dan usaha kita dalam memajukan dan menambahbaik perkhidmatan perbandaran untuk membawa manfaat kepada warga bandar raya akan terus dipermudahkan bagi memperolehi pencapaian Bandar Raya Pintar Yang Mampan, Bersih dan Berdaya Maju.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI**  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
30 OKTOBER 2023